



**MOHD Radzi Shamsudin (kanan) bersama Nasir Yunus menunjukkan bangkai ikan tilapia yang mati dan terapung hingga menimbulkan bau busuk di kolam kumbahan Taman Semarak, Sungai Petani, Kedah.**  
- UTUSAN/OTHTMAN YAHAYA

# Penduduk mual hidu bau busuk ikan mati

UM 01/05/24

MIS 36

**OLEH OTHMAN YAHAYA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**SUNGAI PETANI:** Lebih 4,000 penduduk di Taman Semarak, di sini mengadu tidak selesa apabila terpaksa menghidu bau busuk ratusan ikan yang mati dalam kolam kumbahan dekat perumahan itu, sejak lima hari lalu.

Tinjauan mendapati, banyak ikan mati dan terapung dengan bau busuk dapat dihidu sehingga jarak 100 meter.

Seorang penduduk, Mohd Radzi Shamsudin, 69, dari Taman Semarak Fasa 1 berkata, bau busuk itu menjejaskan perniagaan kedai makan diusaha-

kan anaknya kerana terletak berdekatan.

“Ramai pelanggan mengeluh tidak tahan bau busuk, mereka tidak selera hendak makan sebab bau itu memualkan. Keadaan itu menyebabkan anak terpaksa menutup kedai beberapa hari,” katanya ketika ditemui di sini.

Seorang lagi penduduk, Nasir Yunus, 65, berkata, ratusan ikan yang mati itu kebanyakannya jenis tilapia.

“Sebelum ini air kolam kumbahan yang terletak di tengah-tengah perumahan antara fasa satu dan dua jernih serta menjadi lokasi memancing berikutan terdapat banyak ikan.

“Namun sejak Khamis lalu kami dapati airnya berubah menjadi hitam sehingga mengakibatkan ratusan ikan mati dan terapung, kami pun tidak pasti apa puncanya,” ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Komuniti Kampung (MKK) Taman Semarak, Mohd Rizal Yahaya, 55, berkata, sebelum ini penduduk tidak mempunyai masalah ekoran kolam kumbahan itu diselua dengan baik.

“Kita sedang berurusan dengan pihak berkuasa untuk membersihkan bangkai ikan ini segera bagi mengelak bau busuknya mengganggu aktiviti seharian penduduk,” katanya.